

23/02/2004

RM700j untuk pelajar miskin

Munaarfah Abu Bakar

GOPENG: Kerajaan memperuntukkan lebih RM700 juta sejak tahun lalu bagi membantu 500,000 pelajar miskin dalam pelaksanaan pendidikan wajib sekolah rendah di seluruh negara.

Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Samsuddin, berkata peruntukan itu meliputi bantuan pakaian seragam dan peralatan sekolah, program pemakanan serta tuisyen.

Beliau berkata, usaha itu menunjukkan kesungguhan kerajaan Barisan Nasional (BN) memberi kemudahan pendidikan dan memperjuangkan kesejahteraan semua kaum.

"Bantuan meliputi pelbagai kemudahan yang sudah diberikan sejak tahun lalu, sejak perisytiharan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mengenai pendidikan wajib sekolah rendah pada Bajet 2002.

"Sebanyak RM120 juta diberikan bagi bantuan pakaian, manakala RM200 juta bagi yuran tuisyen murid miskin daripada keluarga berpendapatan kurang RM530 sebulan," katanya selepas Seminar Bina Negara anjuran Jentera Penerangan Pilihanraya Umno Bahagian Gopeng, di sini semalam.

Abdul Aziz berkata, kerajaan menyediakan bantuan RM2,200 setahun bagi keluarga fakir yang mempunyai anak di sekolah rendah.

"Bantuan kepada keluarga fakir bagi memastikan tidak seorangpun anak kita tanpa mengira bangsa keciciran dalam pelajaran," katanya.

Beliau berkata, kebanyakan masalah keciciran pelajar sekolah rendah berlaku di Sarawak dan Kelantan.

Abdul Aziz berkata, kebanyakan keciciran itu berlaku di pedalaman Sarawak yang berpunca daripada kesukaran perhubungan dan komunikasi, terutama di kalangan pribumi Penan dan Ulu yang lebih selesa dengan cara hidup lama.

"Keciciran di Kelantan pula disebabkan tidak wujud peluang pekerjaan untuk mendapat pendapatan lebih kompetitif di negeri itu," katanya.

Beliau yang juga Ketua Penaja Umno Gopeng menggesa ahli parti itu mengambil kesempatan memajukan diri dan keluarga dengan mengutamakan pendidikan anak.

Katanya, hanya melalui pendidikan saja bangsa Melayu dapat keluar dari kemiskinan dan memajukan diri untuk masa depan.